# BORANG PERMOHONAN
# ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN

**BAHAGIAN 1: MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN**

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th colspan="3">BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON</th></tr>
<tr><td>NAMA KUMPULAN</td><td colspan="3">PUSAT KERJAYA (UTMCC)</td></tr>
<tr><td>TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN</td><td colspan="3">1/1/2023</td></tr>
<tr><td>NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB</td><td colspan="3">JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)</td></tr>
<tr><td>KETUA KUMPULAN</td><td colspan="3">NAMA: NORAZWA BINTI YEOP KAMARUDIN<br>JAWATAN: Kumpulan A dan JUSA : 41 ke atas<br>NO. PEKERJA: 10491<br>EMEL: norazwa@utm.my<br>NO. TEL. BIMBIT: 60197678133</td></tr>
<tr><td rowspan="10">MAKLUMAT AHLI KUMPULAN<br>(senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))</td><th>NAMA AHLI KUMPULAN</th><th>KOD JAWATAN</th><th>NO PEKERJA/MATRIK</th></tr>
<tr><td>CHE ROZID B MAMAT</td><td>DS54</td><td></td></tr>
<tr><td>YASNI NURUL HUDA BT MOHD YASSIN</td><td>N48</td><td></td></tr>
<tr><td>NORLIZA BINTI RAMLI</td><td>S44</td><td></td></tr>
<tr><td>NOOR HADAYAH BT AHMAD</td><td>S44</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN</td><td colspan="3">UTM PREMIUM CAREER CARNIVAL</td></tr>
</table>

**BAHAGIAN 2: KRITERIA RUBRIK**

<table>
<tr><td rowspan="3">1</td><td>ORIGINALITY / KETULENAN</td></tr>
<tr><td>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA.pdf</td></tr>
<tr><td>Inovasi yang dilaksanakan adalah berbentuk strategi/pendekatan dalam pengendalian UTM Career Carnival (CC).<br><br>UTM Career Carnival (CC) merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan pada setiap tahun oleh Universiti melalui Pusat Kerjaya (UTMCC) yang bertujuan membantu kebolehpasaran pelajar khususnya pelajar tahun akhir. Program ini telah dilaksanakan pada setiap tahun sejak sekian lama dengan penglibatan sebanyak 60-80 buah syarikat tempatan dan antarabangsa daripada pelbagai bidang. Penganjuran CC pada ketika ini melibatkan penyertaan syarikat TANPA memberi keutamaan samada syarikat berkenaan menyediakan peluang pekerjaan atau sebaliknya. Hal ini kerana, sasaran utama adalah difokuskan kepada kuantiti syarikat yang menyertai CC.<br><br>Bermula pada tahun 2023, UTMCC telah melaksanakan strategi penambahbaikan penganjuran CC dengan mengambilkira komponen PREMIUM sebagai inisiatif bagi meningkatkan peratusan graduan memperoleh peluang dan penempatan pekerjaan. Inisiatif ini diambil selaras dengan halatuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Envision UTM yang mensasarkan pencapaian peratusan GE adalah antara 80%-90%. Pencapaian GE juga telah menjadi Key Performance Indikator (KPI) bagi Naib Canselor setiap Universiti Awam dan perlu dilaporkan kepada KPT pada setiap tiga (3) bulan.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | Menerusi inisiatif yang dilaksanakan ini, penyertaan Premium CC adalah dihadkan kepada syarikat yang HANYA mempunyai kekosongan pekerjaan / latihan industri serta menawarkan pendapatan premium atau sekurang-kurang setaraf dengan kelayakan akademik graduan. Setiap syarikat akan diberikan pilihan pakej berserta kos yang perlu dibayar bagi menyertai Premium CC. Setiap pakej akan diberikan privileges yang berbeza.<br><br>Tarikh pelaksanaan Premium CC juga diubah daripada bulan Oktober kepada Jun. Ini kerana, pelajar tahun akhir telah berada pada semester akhir (pada Jun) dan mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi untuk terus ditawarkan pekerjaan oleh syarikat. (Jika Oktober, pelajar masih berada pada semester satu).<br><br>Inovasi baharu ini memberi impak kepada:<br><br>i. Penyertaan syarikat premium yang menawarkan gaji premium<br><br>ii. Peningkatan Penjanaan Kewangan Universiti<br><br>iii. Kelestarian Penggunaan Sumber Tenaga Manusia |
| 2 | **PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN**<br><br>**LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-1.pdf**<br><br>Kadar graduan bekerja yang rendah, bilangan graduan bekerja underemployment (syarikat yang menawarkan gaji di bawah RM2,500 atau menawarkan pekerjaan di bawah kelayakan mereka) merupakan scenario semasa pasaran kerjaya. Tidak dinafikan bahawa peratus GE turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain. Namun setelah melaksanakan analisis tren GE, UTMCC telah mengambil pelbagai inisiatif termasuklah menambahbaik penganjuran CC kepada Premium CC yang sedikit sebanyak dapat memberi impak kepada peningkatan pencapaian peratusan GE UTM.<br><br>Penganjuran CC pada sebelum tahun 2023 melibatkan penyertaan syarikat TANPA memberi keutamaan samada syarikat berkenaan menyediakan peluang pekerjaan atau sebaliknya. Hal ini kerana, sasaran utama pada ketika itu adalah difokuskan kepada kuantiti syarikat yang menyertai CC sedangkan peratus pencapaian kebolehpasaran graduan (GE) UTM adalah berada pada kadar yang kurang memberangsangkan.<br><br>Justeru, pelaksanaan Premium CC menjadi platform terbaik untuk mengiktiraf kelayakan akademik graduan dengan penyertaan syarikat premium yang menawarkan jawatan pekerjaan dan gaji yang setaraf. |
| 3 | **TECHNOLOGY / TEKNOLOGI**<br><br>**LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-2.pdf**<br><br>Inovasi yang dilaksanakan memberi fokus kepada penambahbaikan strategi pelaksanaan CC dimana implementasi Premium CC ini tidak dilaksanakan di Universiti Awam atau organisasi lain.<br><br>Pemilihan syarikat bagi Premium CC masih menggunakan medium sediada iaitu e-form. Pada masa akan datang, UTMCC mempunyai perancangan untuk melaksanakannya dalam bentuk sistem ecareer dan ianya masih berada dalam peringkat pembangunan.<br><br>Permohonan status harta intelek (IP) akan dipertimbangkan apabila pembangunan sistem ecareer siap sepenuhnya. |
| 4 | **APPLICABILITY / APLIKASI**<br><br>**LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-3.pdf**<br><br>Secara asasnya, inovasi ini mudah untuk diaplikasikan dari segi pengurusan. Namun, cabaran utama adalah penerimaan syarikat untuk mengeluarkan kos mengikut pakej yang disediakan selain kesanggupan mereka untuk menawarkan kekosongan jawatan berserta gaji premium kepada graduan. Kemahiran negotiation dalam aspek ini sangat diperlukan bagi memberi keyakinan yang tinggi kepada syarikat untuk menyertai Premium CC. |
| 5 | **INNOVATIVENESS / INOVASI**<br><br>**LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-4.pdf**<br><br>Inovasi dalam penganjuran Premium CC memberi perubahan daripada aspek berikut: |

| | |
|---|---|
| | 1. Pelaksanaan dan pemilihan syarikat bagi Premium CC adalah lebih sistematik.<br><br>2. Meningkatkan bilangan syarikat untuk melaksanakan MoU/MoA dengan UTM.<br><br>3. Lebih banyak syarikat besar menyertai Premium CC berbanding tahun sebelumnya kerana pemilihan dibuat berdasarkan kemampuan syarikat menyediakan kekosongan jawatan dengan gaji premium.<br><br>4. Margin keuntungan kepada UTM yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga pakej yang ditawarkan. |
| 6 | **IMPACT / KESAN** |
| | **LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-5.pdf** |
| | **Inovasi dalam penganjuran Premium CC memberi impak kepada:**<br><br>**1. Pencapaian peratus kebolehpasaran graduan (GE) UTM**<br><br>**- Berdasarkan laporan Pengesanan Graduan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, UTM juga berjaya mencatatkan peningkatan peratusan graduan bekerja serta mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori graduan berpendapatan premium.**<br><br>**2. Peningkatan Penyertaan syarikat premium yang menawarkan gaji premium**<br><br>**- UTMCC menyediakan borang pra pendaftaran Premium CC. Daripada senarai syarikat dalam pra-pendaftaran, UTMCC melaksanakan tapisan dan hanya mengemukakan borang penyertaan rasmi kepada syarikat yang mempunyai kekosongan pekerjaan untuk ditawarkan kepada graduan UTM.**<br><br>**- Tapisan juga dibuat dengan memberi keutamaan kepada syarikat yang menawarkan gaji premium iaitu RM4,000 ke atas atau sekurang-kurangnya setaraf dengan kelayakan akademik.**<br><br>**3. Peningkatan Penyertaan Syarikat dari Singapura dan luar Malaysia.**<br><br>**- Pendekatan Premium CC yang dilihat berbeza dengan karnival kerjaya yang dilaksanakan oleh Universiti atau organisasi lain telah menarik minat syarikat dari Singapura untuk menyertai sebagai exhibitor dan recruiter.**<br><br>**4. Peningkatan Penjanaan Kewangan Universiti**<br><br>**- Penganjuran Premium CC turut mengambil pendekatan win-win situation. Implementasi Premium CC membolehkan setiap syarikat yang menyertai Premium CC dikenakan bayaran (RM6,000 â€“ RM12,000) mengikut pakej yang dipilih. Bayaran pakej yang dikenakan adalah bersesuaian dengan privilege yang ditawarkan oleh urusetia.**<br><br>**5. Kelestarian Penggunaan Sumber Tenaga Manusia**<br><br>**- Penganjuran Premium CC menggunakan sumber modal insan Pusat Kerjaya dan sepasukan pelajar yang dilantik. Pengalaman pelajar dalam membantu pengendalian Premium CC memberi nilai tambah kepada mereka dari aspek interpersonal, pengurusan, komunikasi dan memupuk rasa tanggungjawab.** |
| 7 | **TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN** |
| | **LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-6.pdf** |
| | Pelaksanaan Premium CC melibatkan semua staf UTMCC dimana Pengarah berperanan sebagai Penasihat. Seorang pegawai akan dilantik bagi mengetuai perjalanan projek ini dengan dibantu oleh pegawai dan staf sokongan.<br><br>Bagi membantu kelancaran Premium CC, pelantikan Ambassador dari kalangan pelajar turut dilakukan. Pemilihan mereka dibuat dengan mengambilkira aspek personality selain attitude yang dinilai semasa temuduga oleh pegawai UTMCC.<br><br>Mereka diberi taklimat gerak kerja dan penerangan mengikut bahagian jawatankuasa serta prosedur yang perlu mereka patuhi. |

| | |
|---|---|
| | Semua  Ambassador perlu mengikuti teambuilding yang kebiasaannya dilaksanakan di luar kampus UTM selama 3 hari 2 malam. Menerusi teambuilding, mereka diberikan projek yang perlu mereka laksanakan secara berkumpulan. Objektif teambuilding ini adalah untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan, dan meningkatkan komunikasi bagi mewujudkan persefahaman.<br><br>Dari segi pembahagian tugas, seramai lima orang Ambassador dilantik untuk memegang jawatan tertinggi pengurusan (Top 5) iaitu Pengarah Premium CC, Timbalan Pengarah (Teknikal), Timbalan Pengarah (Pengurusan), Setiausaha dan Bendahari.<br><br>Selain itu, UTMCC turut mendapatkan pandangan syarikat bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Premium CC. |
| 8 | **POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN** |
| | **LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-7.pdf** |
| | Berdasarkan tinjauan ringkas ke atas UA lain, kebanyakkan mereka menyerahkan pelaksanaan CC sepenuhnya kepada penyedia perkhidmatan/konsultan luar termasuk pemilihan syarikat. UA juga tidak menerima 100% keuntungan hasil daripada charge yang dikenakan kepada syarikat.<br><br>Justeru,  Premium CC yang dilaksanakan oleh UTM telah menjadi benchmark kepada UA lain. Antara UA awam yang telah mengadakan benchmark dengan UTMCC adalah UKM, UiTM, UUM, UMPSA, UMK dan UTeM.<br><br>Strategi yang dilaksanakan dalam mendapatkan syarikat premium merupakan elemen yang telah menarik minat UA dan pihak KPT. Pada awal tahun 2024, UTM telah ditawarkan oleh KPT untuk melaksanakan Premium CC pada peringkat kebangsaan. |
| 9 | **COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN** |
| | **LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Bahan-lampiran-AIP-PUSAT-KERJAYA-8.pdf** |
| | Model pelaksanaan Premium CC oleh UTM mempunyai potensi yang luas untuk diketengahkan bagi rujukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta.<br><br>Model ini juga sesuai diimplementasi oleh pihak penyedia perkhidmatan/konsultan yang menjalankan perniagaan pengurusan acara (event management service) berkaitan.<br><br>Bagi memudahkan kefahaman, proses pelaksanaan Premium CC perlu diterjemahkan dalam bentuk model berilustrasi. |

**BAHAGIAN 3 :  ISES ELEMENT / ELEMEN ISES**

| | |
|---|---|
| 1 | **INTEGRITY / INTEGRITI** |
| | **LAMPIRAN :** |
| | Sinergy<br><br>â€“ pelaksanaan Premium CC dijayakan dengan adanya sinergi antara UTMCC, Ambassador dari kalangan pelajar, Pusat Tanggungjawab lain yang berkaitan, Fakulti dan syarikat. Setiap organisasi berkenaan menjalankan peranan masing-masing dan mempunyai hubungkait yang rapat antara satu sama lain.<br><br>Integrity<br><br>-	Prosedur Karnival Kerjaya yang terkandung dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) menjadi rujukan utama bagi pelaksanaan Premium CC. Setiap Ambassador sebagai penggerak telah diberi penekanan berkenaan tanggungjawab semasa tembulding dijalankan. Setiap gerak kerja yang dijalankan sentiasa dalam pemantauan oleh Pegawai di UTMCC.<br><br>Excellence<br><br>-	Pencapaian Premium CC dapat dilihat berdasarkan |

| | |
|---|---|
| | Pencapaian peratus kebolehpasaran graduan (GE) UTM dan peratusan tertinggi bagi kategori graduan berpendapatan premium seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam La[oran Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan pada setiap tahun.<br><br>- Pencapaian Premium CC juga ditunjukkan oleh Ambassador di mana mereka memperoleh Anugerah Inisiatif Kebolehpasaran Graduan Terbaik dan Anugerah Hubungan Industri Terbaik Dalam Anugerah Gemilang Mahasiswa (Gema) 2023.<br><br>Sustainability<br><br>- Premium CC dapat diteruskan pada masa akan datang kerana pelaksanaanya menggunakan sumber modal insan Pusat Kerjaya dan sepasukan Ambassador dari kalangan pelajar yang dilantik dan dilatih. Pengalaman pelajar dalam membantu pengendalian Premium CC memberi nilai tambah kepada mereka dari aspek interpersonal, pengurusan, komunikasi dan memupuk rasa tanggungjawab.<br><br>- Pelaksanaannya juga menggunakan sumber yang ada dalam UTM seperti Dewan Sultan Iskandar dan peralatan teknikal.<br><br>- Pendpatan yang dijana daripada penganjuran Premium CC membolehkan bayaran berbentuk elaun diberikan kepada Ambassador sebagai penghargaan selain dapat menampung kos-kos sampingan. |

**BAHAGIAN 4 : INNOVATION CONTRIBUTION MATRIX / MATRIK SUMBANGAN INOVAS**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | **IMPROVEMENT OF PROCESS / PENAMBAHBAIKAN PROSES** | |
| | NATIONAL LEVEL | UTM telah ditawarkan oleh KPT untuk melaksanakan Premium CC pada peringkat kebangsaan. |
| 2 | **IMPROVEMENT OF INCOME GENERATION / PENINGKATAN PENDAPATAN** | |
| | UNIVERSITY LEVEL | Anggaran keuntungan bersih penganjuran UTM Career Carnival adalah antara RM80 ribu â€“ RM150 ribu pada setiap tahun. |
| 3 | **IMPROVEMENT OF WELL- BEING / PENINGKATAN KESEJAHTERAAN** | |
| | NATIONAL LEVEL | Pelaksanaan inovasi ini membantu meningkatkan peratusan GE UTM dan keseluruhan GE KPT |
| 4 | **IMPROVEMENT OF SOCIO - ECONOMIC / PENINGKATAN SOSIO EKONOMI** | |
| | NATIONAL LEVEL | Pelaksanaan inovasi ini membantu mengiktiraf kelayakan akademik grdauan dengan pendapatan yang premium/setaraf bagi meningkatkan status sosio ekonomi mereka. |

**PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN**

**PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**
*(Diisi oleh pemilik utama projek)*

Nama: Prof Madya Dr Che Rozid b Mamat
Email: cherozid@utm.my
Tandatangan & cop: Tarikh:
(Ketua PTJ)

**PERAKUAN PERMOHONAN**

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

Nama: Dr Norazwa binti Yeop Kamarudin
Email: norazwa@utm.my
Tandatangan & cop: Tarikh: 4/30/2024
(Ketua Kumpulan)